

## Penggunaan Ilmu Qira'at dalam Ayat Hukum berdasarkan Tafsir Al-Quran di Nusantara

The Use of *Qira'at Knowledge* in Legal Verses Based on  
Tafsir Al-Quran in the Malay Archipelago

\*<sup>1</sup>Sukhairu Sulaiman & <sup>2</sup>Mohamad Marzuqi Abdul Rahim

<sup>1</sup>Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 44000 Kuala Kubu Bharu,  
Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: sukhairu\_dq@yahoo.com

**Received:** 04 August 2023; **Accepted:** 10 January 2024; **Published:** 06 February 2024

**To cite this article (APA):** Sulaiman, S., & Abdul Rahim, M. M. (2024). Penggunaan Ilmu Qira'at dalam Ayat Hukum berdasarkan Tafsir Al-Quran di Nusantara. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 23–37. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.3.2024>

### Abstrak

Pentafsiran ayat al-Quran oleh ulama Nusantara mempunyai pelbagai pendekatan dalam menghuraikan sesebuah ayat al-Quran termasuklah ilmu Qiraat. Kebanyakan karya tafsir yang ada di Nusantara menghuraikan maksud dari ayat al-Quran dan perkara-perkara lain yang berkaitan tanpa menghuraikan khilaf Qiraat yang wujud pada ayat tersebut. Kajian ini memfokuskan penggunaan ilmu Qiraat dalam tafsir al-Quran di Nusantara iaitu *Turjuman al-Mustafid*, *Tafsir Nur al-Ihsan* dan *Marah Labid* yang merupakan hasil karangan ulama Nusantara. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ayat-ayat hukum di dalam al-Quran yang mengandungi khilaf Qiraat yang dikemukakan oleh mereka dengan metode yang tersendiri. Kajian yang bersifat kualitatif ini dilakukan dengan menganalisis maklumat yang diperolehi dari sumber primer dan juga sekunder. Kajian mendapati sebanyak 99 tempat di dalam tafsir ini yang membincangkan mengenai ilmu Qiraat samada dari aspek akidah, akhlak dan fiqh yang merangkumi soal ibadah, munakahat, muamalah, jinayah dan jihad. Pecahan dari jumlah tersebut adalah 29 tempat di dalam *Turjuman al-Mustafid* yang mewakili sebanyak 29 peratus, manakala sebanyak 8 tempat di dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* yang mewakili sebanyak 8 peratus sementara sebanyak 62 tempat di dalam *Marah Labid* yang mewakili sebanyak 63 peratus. Ini menunjukkan ulama di Nusantara telah menghuraikan ayat-ayat al-Quran di dalam karya mereka dengan kaedah yang tersendiri termasuk penggunaan ilmu Qira'at.

**Kata kunci:** Ilmu Qiraat, Nusantara, Tafsir al-Quran, Turjuman al-Mustafid, Nur al-Ihsan, Marah Labid

### Abstract

The interpretation of the Qur'anic verse by Nusantara scholars has various approaches to explaining a verse of the Qur'an, including the knowledge of *Qira'at*. Most explanations in Nusantara explain the meaning of the Qur'anic verse and other related matters without

explaining the *Qira'at* errors in the verse. This study focuses on the use of *Qira'at* knowledge in the interpretation of the Qur'an in the archipelago, which is *Turjuman al-Mustafid*, *Tafsir Nur al-Ihsan* and *Marah Labid* which are the result of the scholars of the archipelago. This study aims to analyze the legal verses in the Qur'an that contain the *khilaaf Qira'at* they presented with their method. This qualitative study analyses information obtained from primary and secondary sources. The study found that 99 places in this tafsir discuss the knowledge of *Qira'at*, whether from the aspects of *akidah*, *akhlaqs* and *fiqh*, which include matters of *ibadah*, *munakahat*, *muamalat*, *jinayat* and *jihad*. This aspect covers 29 places in *Turjuman al-Mustafid*, which represents as much as 29 per cent, while as many as eight places in *Tafsir Nur al-Ihsan*, which means as much as 8 per cent, while as many as 62 places in *Marah Labid*, which represents as much as 63 per cent. The findings show that the Nusantara scholars have elaborated the verses of the Quran in their works with their methods, including using *Qira'at* knowledge.

**Keywords:** Al- Qira'at, Nusantara (Malay Archipelago), Tafsir, Turjuman al-Mustafid, Nur al-Ihsan, Marah Labid

## Pendahuluan

Al-Quran adalah sumber segala ilmu pengetahuan. Ilmu Qira'at merupakan salah satu ilmu yang berkaitan dengan al-Quran yang tidak ramai masyarakat Muslim mempelajarinya berbanding ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan al-Quran seperti ilmu tajwid dan ilmu tafsir. Perkembangan ilmu Qira'at adalah bertitik tolak dari pengajian al-Quran yang dipelajari oleh umat Islam. Setelah mempelajari al-Quran, umat Islam terus meneroka ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan al-Quran termasuklah ilmu Qira'at. Laporan Fathullah Munadi (2010), yang memetik kajian Wawan Djuneidi Soffandi (2004) menyatakan perkembangan ilmu Qira'at di Nusantara hanya bermula pada abad ke-19 walaupun kajian telah membuktikan kewujudan ilmu ini melalui penulisan karya tafsir oleh Abdul Rauf Singkel yang bertajuk *Turjuman al-Mustafid* pada abad ke-17. Menurut beliau lagi, penulisan ilmu Qira'at oleh Abdul Rauf Singkel pada abad ke-17 itu masih belum dianggap sebagai sejarah permulaan ilmu Qira'at di Nusantara kerana beliau masih belum mencapai darjah *muqri'* atau *qari mutbadi'*, *qari mutawassit* atau *qari muntahi* (Fathullah Munadi, 2010).

Perbahasan ilmu Qira'at di dalam sesebuah kitab tafsir telah memberi kesan terhadap pemahaman makna, pensabitan sesuatu hukum, perbezaan morfologi (*ilmu al-sorf*) dan sebagainya. Sungguhpun terdapat perbezaan bacaan dalam kalangan *qurra'* namun ia bukanlah satu kesilapan bacaan atau kesalahan kerana ia merupakan bacaan yang diambil secara *mutawatir* melalui sanad yang bersambung daripada Rasulullah SAW. Perbezaan bacaan dari *qira'at* yang *mutawatir* dalam ilmu Qira'at adalah wahyu dari Allah S.W.T juga. Firman Allah S.W.T:

يُنَزِّلُ الْمَلِكَةَ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنذِرُوا إِلَهًا إِلَّا إِنَّا فَاتَّقُونَ

Maksud: "Dia menurunkan malaikat membawa wahyu dengan perintahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya (yang layak menjadi Rasul); (lalu ia berfirman kepada Rasul-rasul): "Hendaklah kamu menegaskan kepada umat manusia bahawa tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepadaKu."

(Surah al-Nahl, 16:2)

Setiap bacaan yang diambil daripada Rasulullah SAW secara bersanad adalah merupakan wahyu dari Allah SWT yang tidak mungkin mengandungi kesilapan atau kesalahan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif di mana semua maklumat dan bahan kajian diperolehi melalui kajian kepustakaan. Kajian ini turut memaparkan beberapa nilai angka dan nilai peratus untuk membincangkan hasil kajian yang diperolehi. Kajian ini memfokuskan tiga karya tafsir al-Quran di Nusantara iaitu *Turjuman al-Mustafid*, *Tafsir Nur al-Ihsan dan Marah Labid* dengan memilih beberapa ayat al-Quran yang mengandungi khilaf Qiraat yang berkaitan dengan hukum dari aspek akidah, akhlak dan fiqh. Penentuan ayat hukum ini adalah berdasarkan kepadauraian mengenai ilmu Qira'at yang terdapat di dalam *Rawa'i al-Bayan fi Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an* (2007) oleh al-Sabuni sebagai panduan untuk mengenal pasti ayat-ayat tersebut.

## Perkembangan Ilmu Qira'at di Nusantara

Pengajian al-Quran merupakan matapelajaran asas di peringkat pengajian dasar di samping matapelajaran lain seperti bahasa arab dan ibadah (Musyrifah Sunanto, 2005). Peringkat awal pengajian al-Quran bermula di masjid, pondok pengajian, istana pemerintah dengan mengenali huruf-huruf *Hija'iyyah* dan menghafaz surah-surah lazim yang diperlukan untuk bacaan dalam solat (Musyrifah Sunanto, 2005).

Pengajian al-Qur'an di peringkat asas dikenali sebagai ilmu Tajwid turut diajar kepada masyarakat. Ia bertujuan untuk manghasilkan bacaan dan sebutan yang tepat dari sudut *makhraj* dan *sifat* huruf (Muhammad Mahmud 'Abd. al-'Alim, t.t.). Dengan mempelajari ilmu Tajwid, secara tidak langsung masyarakat telah terdedah dengan ilmu Qira'at. Ini kerana ilmu Tajwid adalah berhubung secara langsung dengan asas-asas ilmu Qira'at di mana kebanyakan kaedah tajwid adalah bertepatan dengan kaedah qira'at (Fadhl Hasan 'Abbas, 2008).


'Abdul Rauf al-Fansuri dianggap sebagai individu pertama yang memperkenalkan ilmu Qira'at di Nusantara melalui karya beliau *Turjuman al-Mustafid* pada tahun 1675 iaitu pada abad ke-17 (Ahmad Baha' Mokhtar dan Muhammad Lukman Ibrahim, 2012). Berbeza pula dengan laporan oleh Fathullah Munadi yang memetik kajian Wawan Djunaedi yang menyatakan bahawa perkembangan ilmu Qira'at di Nusantara hanya bermula pada akhir abad ke-19 sehingga awal abad ke-20 iaitu sekitar tahun 1900-an dengan kemunculan tokoh ilmu Qira'at di Nusantara iaitu K.H Muhammad Moenawir di Yogjakarta dan K.H. Munawar di Gresik yang dikatakan mempunyai sanad Qira'at (Fathullah Munadi, 2010). Sedangkan jika diteliti terhadap karya *Turjuman al-Mustafid* didapati ilmu Qira'at telah muncul di Nusantara serentak dengan terhasilnya karya tersebut. Tidak mungkin 'Abd. Rauf al-Fansuri memasukkan unsur ilmu Qira'at di dalam karya beliau jika beliau sendiri tidak begitu mendalamai ilmu tersebut. Bahkan di antara keunikan tafsir ini adalah melalui penggunaan laras bahasa ang memaparkan elemen ilmu Qiraat di dalamnya sekaligus menggambarkan beliau seorang yang mempunyai ilmu dalam bidang tersebut (Afriadi Putra, 2014). Ramai dalam kalangan sarjana mengakui salah satu keistimewaan karya ini ialah terletak pada unsur Qira'at di dalamnya (Ahmad Baha' Mokhtar dan Muhammad Lukman Ibrahim, 2012, Afriadi Putra, 2014).

Selepas *Turjuman al-Mustafid*, muncul beberapa karya lain yang memuatkan unsur ilmu Qira'at mewarnai bumi Nusantara seperti *Marah Labid* oleh Nawawi al-Bantani pada tahun 1887M (Ansor Bahary, 2015), *Tafsir Nur al-Ihsan* oleh Muhammad Sa'id bin Umar pada tahun 1934M (Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abd Kadir dan Haziyah Hussin, 2016), *Tafsir al-Azhar* oleh HAMKA mula diterbitkan pada tahun 1962M dalam majalah Gema Islam dan selesai penulisannya pada tahun 1979M, manakala dan *Tafsir al-Misbah* oleh M. Quraish Shihab pada tahun 2000M(Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir dan Muhd. Najib Abdul Kadir 2018). Justeru, artikel ini akan memfokuskan tentang ilmu Qira'at pada ayat hukum yang terdapat di dalam *Turjuman al-Mustafid* karya oleh Abd. Rauf al-Fansuri, *Tafsir Nur al-Ihsan* oleh Haji Muhammad Sa'id bin Umar dan *Marah Labid Li Kasyf Ma'na al-Qur'an al-Majid* atau ringkasnya *Marah Labid* oleh Syeikh Nawawi al-Bantani.

### Ilmu Qira'at dalam Tafsir al-Quran di Nusantara

Tafsir al-Quran di Nusantara mengemukakan wajah Qira'at dalam menghuraikan ayat al-Quran. Walaupun huraian tersebut sebahagiannya agak ringkas namun sudah cukup membuktikan kewujudan ilmu Qira'at di Nusantara melalui kitab tafsir yang dihasilkan. Berikut ringkasan melalui gambar rajah bilangan tempat penggunaan ilmu Qira'at pada ayat hukum dalam *Turjuman al-Mustafid*, *Tafsir Nur al-Ihsan*, dan *Marah Labid Li Kasyf Ma'na al-Qur'an al-Majid*.

Rajah 1: Bilangan Tempat Penggunaan Ilmu Qira'at dalam Ayat Hukum



Berdasarkan Rajah 1, penggunaan ilmu Qira'at pada ayat hukum dalam tafsir Nusantara melibatkan 99 tempat di mana *Marah Labid* mendominasi bilangan tersebut sebanyak 62 tempat (63 peratus), *Turjuman al-Mustafid* sebanyak 29 tempat (29 peratus) dan *Tafsir Nur al-Ihsan* sebanyak 8 tempat (8 peratus). Ia digunakan dalam penghuraian pelbagai aspek ayat-ayat hukum yang melibatkan hukum ibadah, muamalat, munakahat, akidah dan akhlak.

### Ilmu Qira'at dalam *Turjuman al-Mustafid*

Karya *Turjuman al-Mustafid* merupakan sebuah karya tafsir yang ditulis oleh Abd. Rauf al-Fansuri pada tahun 1917M. Menurut Zulkifli Mohd. Yusoff dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005) *Turjuman al-Mustafid* bermaksud Penunjuk Bagi Peraih Faedah Ilmu. Karya ini dianggap sebagai karya tafsir pertama yang lengkap 30 juz di Nusantara. Sungguhpun telah muncul beberapa karya tafsir sebelumnya seperti *Tafsir Surah al-Kahfi* oleh Hamzah Fansuri

dan Syamsuddin al-Sumatrani, namun masih belum ada lagi karya tafsir yang lengkap sepermianya *Turjuman al-Mustafid* (Musyrifah Sunanto, 2015).


Abd. Rauf al-Fansuri dilahirkan pada tahun 1592M/1001H (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1995). Ada pendapat lain menyatakan beliau dilahirkan pada 1615M/1024H di sebuah desa bernama Barus di dalam daerah Singkel yang terletak di Aceh Selatan. Beliau meninggal pada tahun 1693M dan dikebumikan di Kuala Krueng Aceh, Banda Aceh (Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir dan Muhd. Najib Abdul Kadir, 2013).

Kemunculan karya ini disambut baik oleh penduduk setempat yang dahagakan ilmu pengetahuan berkaitan dengan urusan agama Islam. Salah satu keistimewaan karya ini berbanding karya tafsir Nusantara yang lain ialah kandungan ilmu Qiraat yang terdapat di dalamnya. Lebih menarik lagi Abd. Rauf al-Fansuri hanya menyebut beberapa imam dan rawi sahaja iaitu Nafi', Abu 'Amru dan Hafs. Oleh kerana karya ini menggunakan bahasa Melayu sebagai medium perantaraan, maka segala ilmu dan perbahasan di dalamnya termasuklah ilmu Qira'at turut dibahaskan di dalam bahasa Melayu. *Turjuman al-Mustafid* merupakan karya yang terawal di Nusantara yang menghuraikan ilmu Qira'at di dalam bahasa Melayu (Ahmad Baha' bin Mokhtar dan Muhammad Lukman Ibrahim, 2012).

Perbahasan ayat hukum di dalam karya tidak hanya terhad kepada hukum fiqh semata-mata bahkan juga merangkumi hukum berkaitan akidah dan akhlak. Hukum yang dikaitkan dalam kajian ini adalah permasalahan fiqh seperti ibadah, munakahat, muamalat, jenayah dan jihad melibatkan yang melibatkan hukum halal, haram, wajib, sunat, makruh, sah batal dan harus. Manakala hukum bagi persoalan yang membabitkan akidah dan akhlak di dalam kajian ini melibatkan hukum wajib, haram dan harus.

Di dalam karya ini terdapat sebanyak 29 tempat perbahasan mengenai ilmu Qira'at pada ayat hukum yang berkaitan dengan akidah, akhlak dan fiqh yang merangkumi perkara seperti munakahat, ibadat dan muamalat. Berikut ringkasan melalui gambar rajah bilangan tempat penggunaan ilmu Qira'at mengikut kategori hukum dalam karya *Turjuman al-Mustafid*.

**Rajah 2:** Bilangan Tempat Penggunaan Ilmu Qira'at terhadap Ayat Hukum dalam *Turjuman al-Mustafid*



Berdasarkan Rajah 2, penggunaan ilmu Qira'at di dalam *Turjuman al-Mustafid* lebih banyak berlaku pada ayat yang berkaitan dengan akhlak dan munakahat iaitu sebanyak 8 tempat (28 peratus), akidah 8 tempat (28 peratus), ibadah mempunyai 4 tempat (14 peratus) dan aspek muamalat mempunyai 1 (3 peratus). Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 29 tempat. Jadual 1 menunjukkan senarai beberapa ayat-ayat al-Quran yang berkaitan ilmu Qira'at pada ayat hukum di dalam karya *Turjuman al-Mustafid*.

**Jadual 1:** Senarai Ayat-ayat Hukum yang Mengandungi Ilmu Qira'at dalam *Turjuman al-Mustafid*

No.	Surah: No. Ayat	Ayat	Imam/Rawi	Klasifikasi Hukum
1	al-Fatiyah:4	مَلِكٌ يَوْمَ الْيَقْيَنِ	Abu 'Amr & Nafi' (ملك)، Hafs (ملك)	Akidah
2	al-Baqarah :143	لَرَءُوفَ رَّحِيمٌ	Nafi' & Hafs (لَرَءُوفَ)، Abu 'Amr (لَرَءُوفَ)	Akidah
3	al-Baqarah:173	فَمَنْ أَضْطَرَ	Abu 'Amr & Hafs (فَمَنْ) Nafi'	Akhlik
4	al-Baqarah :184	فَدَيْةٌ طَعَامٌ مَسَكِينٌ	Abu 'Amr & Hafs (فَدَيْةٌ طَعَامٌ مَسَكِينٌ)، Nafi' & Hafs (فَدَيْةٌ طَعَامٌ) (مساكين)	Ibadah
5	al-Baqarah :197	فَلَا رَفَثٌ وَلَا فُسُوقٌ	Nafi' & Hafs (فَلَا رَفَثٌ)، Abu 'Amr (فُسُوقٌ)	Akhlik
6	al-Baqarah :219	فَلِ الْعَفْوِ	Hafs & Nafi' (الْعَفْوِ)، Abu 'Amr (الْعَفْوِ)	Akhlik
7	al-Baqarah :233	لَا تُضَارُّ إِلَهَةً	Nafi' & Hafs (لَا تُضَارُّ) , Abu 'Amr (إِلَهَةً)	Akhlik
8	al-Baqarah :236	عَلَى الْمُوَسِّعِ فَرْزُهُ	Nafi' & Abu 'Amr (عَلَى الْمُوَسِّعِ) (فرْزُهُ)	Munakahat
9	al-Baqarah :281	يَوْمًا تُرْجَحُونَ فِيهِ	Nafi' & Hafs (يَوْمًا تُرْجَحُونَ) , Abu 'Amr (تُرْجَحُونَ)	Akidah
10	al-Nisa':1	تَسَاءَلُونَ بِهِ	Abu 'Amr & Nafi' (تسَاءَلُونَ) , Hafs (تسَاءَلُونَ)	Muamalat
11	al-Nisa':24	وَأَحَلَّ لَكُمْ	Nafi' & Abu 'Amr (وَأَحَلَّ) , Hafs (وَأَحَلَّ)	Munakahat
12	al-Nisa':94	لِمَنْ أَفَقَ إِلَيْكُمُ اللَّهُمَّ	Abu 'Amr & Hafs (اللَّهُمَّ) , Nafi' (اللَّهُمَّ)	Akhlik
13	al-Ma'idah:2	أَنْ صَنُورُكُمْ	Nafi' & Hafs (أَنْ) , Abu 'Amr (إِنْ)	Akhlik
14	al-Ma'idah:6	وَأَرْجَلُكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ	Nafi' & Hafs (وَأَرْجَلُكُمْ) , Abu 'Amr (وَأَرْجَلُكُمْ)	Ibadah
15	al-Tawbah:17	مَسْجِدُ اللَّهِ	Nafi' & Hafs (مسجد) , Abu 'Amr (مسجد)	Akidah
16	al-Nur :6	وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شَهَادَةٌ إِلَّا	Qalun, Duri ( <i>tahqiq</i> hamzah pertama dan <i>ibdal</i> waw hamzah kedua) Hafs ( <i>tahqiq</i> keduanya)	Munakahat
17	al-Nur:6	فَتَشَهَّدُ أَخْدَهُمْ أَرْبَعُ شَهِيدُتْ	Nafi' & Abu 'Amr (أَرْبَعُ) , Hafs (أَرْبَعُ)	Munakahat

bersambung

18	al-Nur:7	أَنْ لَعَنَتِ اللَّهُ أَنْ لَعَنَتِ اللَّهُ (أَنْ لَعَنَتِ) (أَنْ لَعَنَتِ)	Abu ‘Amr & Hafs (أَنْ), Nafi’ (أَنْ لَعَنَتِ) (أَنْ لَعَنَتِ)	Akidah
19	al-Nur:9	أَنْ غَضِبَ اللَّهُ أَنْ غَضِبَ اللَّهُ (أَنْ غَضِبَ) (أَنْ غَضِبَ)	Hafs & Abu ‘Amr (أَنْ غَضِبَ اللَّهُ), Nafi’ (أَنْ غَضِبَ) (أَنْ غَضِبَ)	Akidah
20	Luqman:17	يُبَيِّنُ أَقِيمَ الْأَصْنَافُ يُبَيِّنُ أَقِيمَ الْأَصْنَافُ (يُبَيِّنُ)	Nafi’& Abu ‘Amr (يُبَيِّنُ), Hafs (يُبَيِّنُ)	Ibadah
21	al-Ahzab :51	تُرْجِي تُرْجِي	Hafs & Nafi’ (تُرْجِي), Abu ‘Amr (تُرْجِي)	Munakahat
22	al-Ahzab :52	لَا يَحِلُّ لَكُ الْتِسَاءُ لَا يَحِلُّ لَكُ الْتِسَاءُ	Nafi’& Hafs (يَحِلُّ), Abu ‘Amr (تَحِلُّ)	Munakahat
23	Muhammad :4	وَالَّذِينَ قَاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ قَاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ (قاتلو) (قاتلو)	Abu ‘Amr & Hafs (قاتلو), Nafi’ (قاتلو)	Jihad
24	al-Mujadilah :3	وَالَّذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ وَالَّذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ (يُظْهِرُونَ) (يُظْهِرُونَ)	Nafi’& Abu ‘Amr (يُظْهِرُونَ), Hafs (يُظْهِرُونَ)	Munakahat
25	al-Mujadilah :11	فِي الْمَجِلِسِ فِي الْمَجِلِسِ	Nafi’& Abu ‘Amr (الْمَجِلِسِ), Hafs (الْمَجِلِسِ)	Akhlek
26	al-Mujadilah :11	وَإِذَا قِيلَ اشْرُوْا فَانْشُرُوا وَإِذَا قِيلَ اشْرُوْا فَانْشُرُوا	Nafi’& Hafs (اشْرُوا), Abu ‘Amr (فَانْشُرُوا) (اشْرُوا فَانْشُرُوا)	Akhlek
27	al-Mumtahanah: 10	وَلَا تُنْسِكُوا بِعِصْمَ الْكَوَافِرِ وَلَا تُنْسِكُوا بِعِصْمَ الْكَوَافِرِ (تُنسِكُوا) (تُنسِكُوا)	Nafi’& Hafs (تُنسِكُوا), Abu ‘Amr (تُنسِكُوا)	Munakahat
28	al-Talaq:3	بَلْغُ أَمْرَهُ بَلْغُ أَمْرَهُ	Nafi’& Abu ‘Amr (بلغ أَمْرَهُ), Hafs (بلغ أَمْرَهُ)	Akidah
29	al-Muzzammil:6	هِيَ أَشَدُ وَطًا هِيَ أَشَدُ وَطًا	Nafi’& Hafs (وطا), Abu ‘Amr (وطاء)	Ibadah

Penggunaan ilmu Qira’at dalam *Turjuman al-Mustafid* juga terdapat di dalam 13 surah iaitu surah al-Fatiyah mempunyai 1 tempat, surah al-Baqarah mempunyai 8 tempat, surah al-Nisa’ mempunyai 3 tempat, surah al-Ma’idah mempunyai 2 tempat, surah al-Tawbah mempunyai 1 tempat, surah al-Nur mempunyai 4 tempat, surah Luqman mempunyai 1 tempat, surah al-Ahzab mempunyai 2 tempat, surah Muhammad mempunyai 1 tempat, surah al-Mujadilah mempunyai 3 tempat, surah al-Mumtahanah mempunyai 1 tempat, al-Talaq mempunyai 1 tempat, al-Muzzammil mempunyai 1 tempat. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 29 tempat. Penggunaan ilmu Qira’at dalam surah al-Baqarah adalah yang terbanyak iaitu sebanyak 8 tempat.

### Ilmu Qiraat dalam *Tafsir Nur Al-Ihsan*

Karya *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan sebuah karya tafsir terawal yang muncul di Malaysia yang lengkap 30 juzuk al-Quran menggunakan tulisan jawi berbahasa Melayu. Ia ditulis oleh Haji Muhammad Sa’id bin Umar bermula pada tahun 1346H/1925M dan berakhir pada tahun 1344H/1927M dan diterbitkan pada tahun 1934M (Mohd. Nazri Ahmad, Muhd. Najib Abd Kadir & Haziyah Hussin, 2016). Menurut Mustaffa Abdullah (2009) karya ini mula ditulis pada Zulhijjah 1344H/Januari 1925M dan selesai pada 1 Rabiulawwal 1346H/1 Oktober 1927M iaitu selama dua tahun sembilan bulan.


Haji Muhammad Sa’id bin Umar merupakan salah seorang ulama Nusantara yang terkenal dalam bidang tafsir al-Quran yang lahir di Malaysia. Nama lengkap beliau adalah al-’Alim al-Fadil al-Haji Muhammad Sa’id bin Umar Qadi Jitra al-Kedahi sebagaimana tercatak di dalam karya *Tafsir Nur al-Ihsan* terbitan *Matba’ah ben Halabi* pada tahun 1391H. Di

lahirkan pada tahun 1275H bersamaan 1854M di sebuah kampung bernama Kampung Kuar dalam daerah Jerlun, Kedah Darul Aman (Mustaffa Abdullah, 2009). Gelaran pada pangkal nama beliau menunjukkan keilmuan dan kelebihan yang ada pada beliau manakala gelaran di hujung nama beliau menunjukkan jawatan yang pernah beliau sandang iaitu sebagai Qadi di daerah Jitra, Kedah.

*Tafsir Nur al-Ihsan* mengaplikasikan kaedah *al-tafsir al-tahlili* bermula dari surah al-Fatiyah dan berakhir dengan surah al-Nas. Selain memperihalkan aspek *sirah*, perihal *makiyyah* dan *madaniyyah*, pandangan sahabat dan tabi'in, karya ini turut menyelitkan elemen ilmu Qira'at dalam perbahasan mengenai hukum yang menjadi salah satu keistimewaannya. *Tafsir Nur al-Ihsan* tidak menyebut nama-nama imam atau rawi qiraat, Namun begitu perbincangan mengenai ilmu Qiraat di dalamnya dapat dikenalpasti melalui penggunaan beberapa istilah seperti "dan", "atau", penggunaan "tatabahasa arab" dan hubungan langsung (ekspansi). Beberapa kitab mengenai ilmu Qiraat perlu dirujuk untuk mengenalpasti imam atau rawi yang terlibat di dalam tafsir ini.

Di dalam karya ini terdapat sebanyak 8 tempat perbahasan mengenai ilmu Qira'at pada ayat hukum yang berkaitan dengan akidah, munakahat, akhlak dan ibadat. Berikut ringkasan melalui gambar rajah bilangan tempat penggunaan ilmu Qira'at mengikut kategori hukum dalam karya *Tafsir Nur al-Ihsan*.

Rajah 3: Bilangan Tempat Penggunaan Ilmu Qira'at terhadap Ayat Hukum dalam Tafsir Nur al-Ihsan



*Tafsir Nur al-Ihsan* telah membincangkan mengenai aspek ilmu Qira'at pada ayat hukum sebanyak 8 tempat. Perbahasan berkaitan dengan ibadah mempunyai 5 tempat (63 peratus) berbanding kategori hukum yang lain. Manakala kategori munakahat sebanyak 1 tempat (13 peratus), akhlak mempunyai 1 tempat (13 peratus) dan akidah mempunyai 1 tempat (12 peratus). Jadual 2 menunjukkan senarai ayat-ayat al-Quran yang membincangkan mengenai ilmu Qira'at pada ayat hukum di dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*.

**Jadual 2:** Ilmu Qira'at dalam Tafsir Nur al-Ihsan Mengikut Kategori Hukum

No.	Surah: No. Ayat	Ayat	Kategori	Isyarat Qiraat
1.	al-Baqarah: 222	وَلَا تَنْزُهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرُنَّ	Ibadah	Ekspansi
2.	al-Nisa':19	بِفَحْشَةٍ مُّنِيَّةٍ	Akhlik	“atau”
3.	al-Nisa':43	أَوْ لَمْسْتُمُ الْنِّسَاءَ	Ibadah	“dan”
4.	al-Ma'idah:6	أَوْ لَمْسْتُمُ الْنِّسَاءَ	Ibadah	“atau”
5.	al-Ma'idah:6	وَأَرْجَلُكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ	Ibadah	tatabahasa arab
6.	al-Tawbah:17	مَسْجِدُ اللَّهِ	Ibadah	tatabahasa arab
7.	al-Tawbah:28	إِنَّمَا الْمُنْشَرُ كُونُ نَجْسٍ	Akidah	“dan”
8.	al-Ahzab :49	مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوُهُنَّ	Munakahat	ekspansi

Penggunaan ilmu Qira'at dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* melibatkan lima surah iaitu surah al-Baqarah satu tempat manakala surah al-Nisa', al-Ma'idah dan al-Tawbah masing-masing sebanyak dua tempat dan surah al-Ahzab satu tempat menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak lapan tempat. Daripada jumlah tersebut terdapat perkataan yang sama dari surah yang berbeza iaitu ﴿أَوْ لَمْسْتُمُ الْنِّسَاءَ﴾ dalam surah al-Nisa' dan al-Mai'dah.

### Ilmu Qira'at dalam Marah Labid

*Marah Labid* atau nama lengkapnya *Marah Labid li Kashf Ma'na al-Qur'an al-Majid* merupakan sebuah karya tafsir lengkap 30 juzuk al-Quran yang pertama yang ditulis oleh ulama dari Nusantara iaitu Syeikh Nawawi al-Bantani. Karya ini menggunakan bahasa Arab sepenuhnya sebagai medium perantaraan. Idea penulisan karya ini tercetus hasil daripada permintaan beberapa orang yang dianggap memiliki kemuliaan (*al-'izzah*) pada masa itu agar beliau menghasilkan sebuah tafsir al-Quran. Akhirnya muncullah karya *Marah Labid* yang selesai ditulis pada 5 Rabi' al-Akhir 1305H lengkap 30 Juzuk al-Quran (Nawawi al-Jawi, 1997). Karya ini mendapat perhatian beberapa ulama di Makkah dan turut dilakukan beberapa diskusi oleh beberapa ulama di Mesir sebelum diterbitkan di sana pada tahun 1887 (Samsul Munir Amin, 2009).


Nawawi al-Bantani dilahirkan di Desa Tanara, Kecamatan Tirtayasa, Banten Utara sebuah daerah di Jawa Barat pada tahun 1814M bersamaan 1230H (Samsul Munir Amin 2009). Beliau dikatakan berketurunan dari Sunan Gunungjati iaitu salah seorang dari Wali Songo. Menurut Ahmad Rifai Hasan (1987) salasilah keturunan beliau sampai kepada Rasulullah S.A.W. melalui sebelah bapanya.

Selain sebagai karya tafsir di Nusantara pertama yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan, karya ini sangat istimewa kerana terdapat banyak perbahasan mengenai ilmu Qira'at di dalamnya berbanding karya tafsir Nusantara yang lain. Menurut Ikmal Zaidi Hashim (2011) karya ini sarat dengan pelbagai qira'at yang boleh dijadikan bahan kajian. Oleh kerana karya ini menggunakan bahasa Arab sebagai medium perantaraan, maka amatlah mudah untuk diadaptasi perbahasan mengenai ilmu Qira'at ke dalamnya kerana sumber bagi ilmu ini adalah berasal dari Tanah Arab.

Di dalam karya ini terdapat sebanyak 62 tempat perbahasan mengenai ilmu Qira'at pada ayat hukum yang berkaitan dengan akidah, akhlak, ibadat, munakahat, muamalah dan jenayah.

Berikut ringkasan melalui gambar rajah bilangan tempat penggunaan ilmu Qira'at mengikut kategori hukum dalam *Marah Labid*.

**Rajah 4:** Bilangan Tempat Penggunaan Ilmu Qira'at terhadap Ayat Hukum dalam *Marah Labid*



Kitab *Marah Labid* telah mengaplikasi ilmu Qira'at pada ayat hukum sebanyak 62 tempat. Penggunaan ni lebih banyak berlaku pada ayat yang berkaitan dengan akidah iaitu sebanyak 20 tempat (32 peratus) dan akhlak sebanyak 17 tempat (27 peratus). Kategori ayat hukum berkaitan munakahah adalah sebanyak 11 tempat (18 peratus) dan ibadah dan muamalat sebanyak 6 tempat (10 peratus) dan ayat hukum berkaitan jenayah sebanyak 2 tempat (3 peratus). Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 62 tempat. Jadual 3 menunjukkan senarai ayat-ayat al-Quran yang berkaitan ilmu Qira'at pada ayat hukum di dalam karya *Marah Labid*.

**Jadual 3:** Ilmu Qira'at dalam *Marah Labid* Mengikut Kategori Hukum

No.	Surah: No. Ayat	Ayat	Imam/Rawi	Klasifikasi Hukum
1	al-Fatiyah:4	مَلِكٌ يَوْمَ الْدِينِ	Hafs, al-Kisaei & Ya'qub (ملک) al-Baqin (ملک),	Akidah
2	al-Baqarah:102	وَلَكُنَّ أَشَيْطِينٌ كَفَرُوا	Ibn 'Amir, Hamzah & al-Kisaei (أشيطة) (أكشن)	Akidah
3	al-Baqarah:102	وَمَا أُنْزَلَ عَلَى الْمَلَكِينَ	Al-Hasan (الملكيين)	Akidah
4	al-Baqarah:102	هُرُوتٌ وَمُرُوتٌ	Al-Zuhri (هروث) (ومروث)	Akidah
5	al-Baqarah:106	مَا نَسَخَ مِنْ آيَةٍ	Ibn 'Amir (نسخ)	Akidah
6	al-Baqarah:106	تُنسَها	Ibn Kathir & Abu 'Amr (نسها)	Akidah
7	al-Baqarah :144	وَمَا اللَّهُ بِعُقْلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ	Ibn 'Amir, Hamzah & al-Kisaei (تعملون) (أيقلون)، al-Baqin (يقطلون)	Akidah
8	al-Baqarah :184	فَدَيْهُ طَعَامٌ مَسْكِينٌ	Nafi' & Ibn Zakwan (فديه طعام مساكين)	Ibadah
9	al-Baqarah :185	وَلَنَكِملُوا الْجَذَةَ	Abu Bakr Syu'bah (ولنكملوا)	Ibadah

bersambung

10	al-Baqarah :191	وَلَا تُقْتِلُوهُمْ	Hamzah & al-Kisaei (قتلوهم)	Akhlag
11	al-Baqarah :197	فَلَا رَفْثٌ	Ibn Kathir & Abu 'Amr, al-Baqun (فلا رفث), al-Baqun (فلا رفث)	Akhlag
12	al-Baqarah :219	إِنْ كَبِيرٌ	Hamzah & al-Kisaei (كبير)	Jenayah
13	al-Baqarah :222	حَتَّىٰ يَطْهُرُنَّ	Ibn Kathir, Nafi', Abu 'Amr, Ibn 'Amir, Hafs & Ya'qub, Syu'bah, Hamzah & al-Kisaei (يتطهرون), (يطهرون), (بيطهرون), (بطهرون)	Munakahat
14	al-Baqarah :229	إِلَّا أَنْ يَخَافَا	Hamzah (بخافا)	Akhlag
15	al-Baqarah :233	إِذَا سَلَمْتُمْ مَا عَاهَيْتُمْ	Ibn Kathir (آهيم)	Muamalat
16	al-Baqarah :236	مَا لَمْ تَمْسُوْهُنَّ	Hamzah & al-Kisaei (تماسوهن)	Munakahat
17	al-Nisa':1	نَسَاءُلُونَ بِهِ	'Asim, Hamzah & al-Kisaei (نساءلون), al-Baqun (نساءلون)	Muamalat
18	al-Nisa':1	وَالْأَرْحَامُ	Hamzah (والآرحام)	Muamalat
19	al-Nisa':6	فَإِنْ ءَانْسَتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا	Quri'a (رسدا) & (رسدا)	Muamalat
20	al-Nisa':10	وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا	Ibn 'Amir & Abu Bakr Syu'bah (وسيلون), al-Baqun (وسيلون), Quri'a (وسيلون), Shadh (وسيلون)	Akidah
21	al-Nisa':19	أَنْ تَرُثُوا الْيَسَاءَ كُرْهًا	Hamzah & al-Kisaei (كرها), al-Baqun (كرها)	Muamalat
22	al-Nisa':19	بِحُجْشَةٍ مُبَيِّنَةٍ	Ibn Kathir & Abu Bakr Syu'bah (مبينة), al-Baqun (مبينة) Ubay bin Ka'ab (بغشن) (عليكم)	Akhlag
23	al-Nisa':24	وَأَحْلَلْتُمْ	Hamzah, al-Kisaei & Hafs (وأحل), al-Baqun (وأحل)	Munakahat
24	al-Nisa':94	فَتَبَيَّنُوا	Hamzah & al-Kisaei (فتبيون)	Akhlag
25	al-Ma'idah:2	أَنْ صَدُوكُمْ	Abu 'Amr & Ibn Kathir (إن)	Akhlag
26	al-Ma'idah:6	وَأَرْجُلُكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ	Ibn Kathir, Hamzah, Abu 'Amr & Abu Bakr Syu'bah (وأرجلكم), Nafi', Ibn 'Amir & Hafs (وأرجلكم)	Ibadah
27	al-Tawbah:17	مَسْجِدُ اللَّهِ	Ibn Kathir & Abu 'Amr (مسجد), al-Baqun (مسجد)	Ibadah
28	al-Hajj: 36	عَلَيْهَا صَوَافِقٌ	Quri'a (صوافن), Quri'a (صوافي), 'Amr bin 'Ubayd (صوافي)	Ibadah
29	al-Nur:1	وَفَرَضْنَاهَا	Ibn Kathir & Abu 'Amr (وفرضناها)	Akidah
30	al-Nur: 2	الْزَانِيَةُ وَالْزَانِي	'Isa al-Thaqafi, Yahya Ya'mar, 'Amr bin Fa'id, Abu Ja'far	Jenayah

bersambung

			& Abu Shaybah (التي) زنا والذى زنى) Quri'a (والزان)	
31	al-Nur: 2	رَأْفَةٌ	al-A'mah (رَأْفَةٌ), Ibn Kathir (رَأْفَةٌ), Ibn Jarir (رَأْفَةٌ)	Akhlaq
32	al-Nur: 6	فَشَهَدُوا أَحَدُهُمْ أَرْبَعَ شَهِيدًا	Hafs, Hamzah & al-Kisaei (أَرْبَعَ), al-Baquin (أَرْبَعَ)	Munakahat
33	al-Nur: 7	أَنْ لَعَنَتَ اللَّهُ	Nafi' (أَنْ لَعَنَتْ), al-Baquin (أَنْ لَعَنَتْ)	Akidah
34	al-Nur: 9	أَنْ عَصَبَ اللَّهُ	Nafi' (أَنْ عَصَبْ), al-Baquin (أَنْ عَصَبْ), Quri'a (أَنْ عَصَبْ)	Akidah
35	al-Nur: 22	وَلَا يَأْتِي	Al-Hasan (يَأْتِي)	Akhlaq
36	al-Nur: 22	وَلَيَغْفُرُوا وَلَيَصْنَعُوا	Quri'a (وَلَيَغْفُرُوا), Quri'a (وَلَيَصْنَعُوا)	Akhlaq
37	al-Ahzab: 2	إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا	Abu Amr (يَعْمَلُونَ), Asim (خَبِيرًا)	Akidah
38	al-Ahzab: 4	ثُظَهُرُونَ مِنْهُنَّ	Hamzah & al-Kisaei (ثُظَهُرُونَ), Ibn 'Amir (ثُظَهُرُونَ), al-Baquin (ثُظَهُرُونَ), al-Baquin (ثُظَهُرُونَ)	Munakahat
39	al-Ahzab: 49	مِنْ قَبْلِ أَنْ شَمَسُوهُنَّ	Hamzah & al-Kisaei (شَمَسُوهُنَّ)	Munakahat
40	al-Ahzab: 51	تُرْجِي	Nafi', Hafs, Hamzah & al-Kisaei (تُرْجِي), al-Baquin (تُرْجِي)	Munakahat
41	al-Ahzab: 52	لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَثْيَاءٌ	Abu Amr (لَا يَحِلُّ)	Munakahat
42	al-Ahzab: 56	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكُوكُهُ	Ibn 'Abbas & Abu 'Amr (وَمَلَكُوكُهُ)	Akidah
43	Saba' :12	وَلِسَائِلِنَ الْرِّيزَجِ	Syu'bah (الرِّيزَجِ)	Akidah
44	Saba' :13	وَجَفَانَ كَالْجَوَابِ	Warsh & Abu 'Amr-wasal (كَالْجَوَابِ), Ibn Kathir-wasal & wakaf (كَالْجَوَابِ), al-Baquin (كَالْجَوَابِ)	Akidah
45	Muhammad :4	وَالَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ	Abu Amr & Hafs (قُتِلُوا), al-Baquin (قُتِلُوا)	Akidah
46	Muhammad :35	وَئَدْعُوا إِلَى السَّلَامِ	Hamzah & Syu'bah (السَّلَامِ)	Akhlaq
47	al-Hujurat :6	بَيْنَمَا قُتِلُوا	Quri'a (قُتِلُوا)	Akhlaq
48	al-Hujurat :10	فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ	Quri'a (بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ)	Akhlaq
49	al-Waqi'ah :75	فَلَا أَقْسِمُ	Qira'ah (فَلَا أَقْسِمُ)	Akidah
50	al-Waqi'ah :75	بِمَوْقِعٍ	Hamzah & al-Kisaei (بِمَوْقِعٍ)	Akidah
51	al-Mujadilah :3	وَالَّذِينَ يُطْهِرُونَ مِنْ سَلَابِهِمْ	Ibn Kathir, Nafi', Abu Amr & Ya'qub (يُطْهِرُونَ), Ibn 'Amir, Hamzah, Kisaei & Khalaf (يُطْهِرُونَ), Abu al-'Aliyah, 'Asim & Husayn (يُطْهِرُونَ), Ubay (يُطْهِرُونَ)	Munakahat
52	al-Mujadilah :11	تَقْسِحُوا	Al-Hasan & Daud bin Abi Hind (تَقْسِحُوا)	Akhlaq

bersambung

53	al-Mujadilah :11	فِي الْجَنَاحِينِ	‘Asim (الْمَجْلِس), al-Baqun (الْمَجْلِس), Quri'a (الْمَجْلِس)	Akhlag
54	al-Mujadilah :11	وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَانْشُرُوا	Quri'a (أَنْشُرُوا) & (أَنْشُرُوا)	Akhlag
55	al-Mumtahanah: 10	وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكَوَافِرِ	Quri'a (تَمْسِكُوا), (تَمْسِكُوا) & (تَمْسِكُوا)	Munakahat
56	al-Jumu'ah: 11	أَنْقُضُوا إِلَيْهَا	Quri'a (إِلَيْهَا)	Akhlag
57	al-Talaq:1	بِغِحْشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ	Ibn Kathir & Abu Bakr Syu'bah (مُبَيِّنَة), al-Baqun (مُبَيِّنَة)	Akhlag
58	al-Talaq: 3	بَلَغَ أَمْرَةً	Hafs, (بَلَغَ أَمْرَةً), al-Baqun (بَلَغَ أَمْرَةً), Quri'a (بَلَغَ أَمْرَةً), al-Mufaddal (بَلَغَ أَمْرَةً)	Akidah
59	al-Talaq: 4	أَنْ يَضْعَفُ حَمْلُهُنَّ	Quri'a (أَحْمَالُهُنَّ)	Munakahat
60	al-Talaq: 6	مِنْ وَجْدَكُمْ	Al-Qurra' al-Sab'ah (وَجْدَكُمْ), Quri'a (وَجْدَكُمْ) & (وَجْدَكُمْ)	Muamatlat
61	al-Muzzammil: 1	يَأْيُهَا الْمَرْءُ مُلْ	Quri'a (الْمَرْءُ مُلْ)	Akidah
62	al-Muzzammil: 6	أَنْذُ وَطًا	Al-Jumhur (وطا), Qatadah, Syabl (وطا) Abu 'Amr & Ibn 'Amir (وطاء)	Ibadah

Penggunaan ilmu Qira'at dalam *Marah Labid* terdapat di dalam 17 surah iaitu surah al-Fatiyah mempunyai 1, surah al-Baqarah mempunyai 15, surah al-Nisa' mempunyai 8, surah al-Ma'idah mempunyai 2, surah al-Tawbah mempunyai 1, surah al-Hajj mempunyai 1, surah al-Nur mempunyai 8, surah al-Ahzab mempunyai 6, surah Saba' mempunyai 2, surah Muhammad mempunyai 2, surah al-Hujurat mempunyai 2, surah al-Waqi'ah mempunyai 2, surah al-Mujadilah mempunyai 4, surah al-Mumtahanah mempunyai 1, surah al-Jumu'ah mempunyai 1, surah al-Talaq mempunyai 4, al-Muzzammil mempunyai 2. Keseluruhan jumlah adalah sebanyak 62 tempat. Penggunaan ilmu Qira'at dalam surah al-Baqarah mempunyai jumlah yang terbanyak iaitu 15 tempat. Hal ini kerana surah al-Baqarah merupakan surah yang terpanjang di dalam al-Quran, manakala perbincangan penggunaan ilmu Qiraat pada ayat hukum di dalam surah-surah lain hanya dikhususkan pada tempat-tempat tertentu. Walau bagaimanapun perbahasan tersebut meliputi aspek akidah, akhlak dan juga fiqh.

## Kesimpulan

Ulama dari Nusantara adalah setanding dengan ulama dari Timur Tengah yang telah banyak menghasilkan karya tafsir. Karya tafsir al-Quran di Nusantara menggabungkan huraian ayat al-Quran dengan ilmu Qira'at. Walaupun huraian tersebut sebahagiannya agak ringkas namun ia membuktikan kewibawaan ulama Nusantara dalam disiplin ilmu tafsir yang menuntut pengarangnya mengusai ilmu Qira'at. Kajian ini turut membuktikan bahawa ulama Nusantara adalah setanding dengan ulama-ulama lain dari Timur Tengah yang menghuraikan ayat-ayat al-Quran dengan ilmu Qiraat di dalam karya mereka dengan kaedah yang tersendiri. *Turjuman al-Mustafid* dianggap sebagai kitab tafsir pertama di Nusantara yang memperkenalkan ilmu Qira'at, *Tafsir Nur al-Ihsan* pula adalah kitab tafsir pertama yang muncul di Malaysia yang menyelitkan elemen ilmu Qira'at manakala *Marah Labid* merupakan kitab tafsir pertama berbahasa Arab yang menghuraikan ilmu Qira'at. Persamaan ketiga-tiga karya tafsir ini adalah merupakan karya "pertama" berdasarkan situasi sebagaimana yang disebutkan di atas dan ketiga-tiga karya ini ditulis oleh ulama kelahiran Nusantara yang menggabungkan huraian ayat

al-Quran dengan ilmu Qira'at. Persamaan bagi ketiga-tiga karya tersebut boleh diringkaskan sebagaimana di dalam Jadual 4.

**Jadual 4:** Persamaan ringkas karya *Turjuman al-Mustafid*, *Tafsir Nur al-Ihsan* dan *Marah Labid*

No.	<b>Turjuman al-Mustafid</b>	<b>Tafsir Nur al-Ihsan</b>	<b>Marah Labid</b>
1	Ditulis oleh ulama dari Nusantara	Ditulis oleh ulama dari Nusantara	Ditulis oleh ulama dari Nusantara
2	Karya tafsir pertama muncul di Nusantara	Karya tafsir pertama muncul di Malaysia	Karya tafsir pertama berbahasa Arab

Ketiga-tiga karya tersebut mempunyai dua persamaan iaitu ia ditulis oleh ulama dari Nusantara dan merupakan karya pertama berdasarkan situasi masing-masing.

## **Penghargaan**

Penulisan ini adalah sebahagian daripada projek kerjasama MOU antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Darul Quran JAKIM. Penulis mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

## **Rujukan**

- Abdullah Basmeih, 2013. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juz*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- ‘Abbas, Fadl Hasan, 2008. *al-Qira’at al-Qur’aniyyah wa Ma Yata’allaqu Biha*, Amman: Dar al-Nafa’is.
- ‘Abd. al-‘Alim, Muhammad Mahmud, t.th. *Ahkam al-Tajwid wa Fada’il al-Qur’an*, Kaherah: Syarikat al-Syamarli.
- ’Abd. al-Rauf al-Fansuri, 2014. *Turjuman al-Mustafid Terjemahan Tafsir al-Baydawi*, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah.
- Afriadi Putra, 2014. Khazanah Tafsir Melayu, Studi Kitab Tafsir Tarjuman al-Mustafid Karya Abd Rauf al-Singkili, *Jurnal Syahadah*, 2(2), 44-58.
- Ahmad Baha’ bin Mokhtar & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2012. Ikhtilaf Qiraat Kitab Tarjuman al-Mustafid oleh Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri: Satu Sorotan, *Proceedings The 2<sup>nd</sup> Annual International Quranic Conference*, 22-23 Februari, Universiti Malaya.
- Ahmad Rifa'i Hasan, 1987. *Warisan Intelektual Islam Indonesia, Telaah Atas Karya-Karya Klasik*, Bandung: Pustaka Mizan.
- Ansor Bahary, 2015. Tafsir Nusantara: Studi Kritis Terhadap Marah Labid Nawawi al-Bantani. *Jurnal Ulul Albab*, 16(2), 176-190.
- Fathullah Munadi, 2010. Mushaf Qiraat Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Dalam Sejarah Qiraat Nusantara. *AL-BANJARI*, 9(1), 59-75.
- Ikmal Zaidi bin Hashim, 2011. Qiraat dalam Tafsir Marāh Labid li Kashf Ma‘na al-Qur’ān al-Majid Karya Sheikh Nawawi al-Bantani. Kertas Seminar Wahyu Asas Tamadun, Universiti Sains Islam Malaysia, 28 dan 29 November 2011).
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir, 2018. *Pengenalan Tokoh-Tokoh dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

- Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abdul Kadir & Haziyah Hussin, 2016. Pengaplikasian Kaedah Tafsir al-Quran dengan Qira'at oleh Muhammad Said Umar di dalam Tafsir Nurul Ihsan. *Jurnal al-Turath, Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 1(1), 65-73.
- Muhammad Sa'id bin Umar, 1971. *Tafsir Nur al-Ihsan*, Fatani, Thailand: Matba'ah ben Halabi.
- Muhammad bin Umar Nawawi al-Jawi, 1997. *Marah Labid li Kasyf Ma'na al-Qur'an al-Majid*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mustaffa Abdullah, 2011. *Khazanah Tafsir di Nusantara*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).
- Musy rifah Sunanto, 2005. *Sejarah Peradaban Islam Indonesia*, Jakarta: PT Raja Granfindo Persada.
- Samsul Munir Amin, 2009. *Sayyid Ulama Hijaz Biografi Syaikh Nawawi al-Bantani*, Yogyakarta: Pustaka Pesantren.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1995. *Koleksi Karya Ilmiah Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah Mengenai Fikrah Wawasan Tokoh Dunia Melayu Dalam Majalah Dewan Budaya, Dakwah, al-Islam dan Kiblat 1989-1995*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2005. Tarjuman al-Mustafid: Satu Analisa Terhadap Karya Terjemahan. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 2(16), 156-173.